



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UMK.B01.02.100-1/3/1 ( 3 )

20 NOVEMBER 2019

**PEKELILING AKADEMIK BIL.3/2019**

**PEMAKAIAN POLISI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TERHADAP PLAGIAT**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 4/2019 (Kali Ke-119) yang bersidang pada 21 Mei 2019 telah meluluskan Polisi Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Plagiat untuk digunapakai sebagai rujukan dalam menangani aduan terhadap plagiat secara telus, konsisten, adil dan mematuhi prinsip kesaksamaan dan keadilan bagi semua pihak terlibat. Ini kerana UMK bertekad untuk menyediakan persekitaran akademik yang sihat dan bebas daripada salah laku akademik yang bertentangan dengan Visi dan Misi UMK serta menggugat kerjaya, pengalaman pembelajaran dan kesejahteraan warga UMK.

3. Sehubungan itu, semua pihak dimohon mengambil maklum mengenai perkara di atas. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor  
- Pendaftar  
- Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian  
- Edaran